



KENYATAAN AKHBAR PENGARAH KESIHATAN NEGERI SARAWAK

08 MAC 2018

MESEJ TULAR BERKENAAN “OUTBREAK DISEASE DAN SITUASI SEMASA DI HOSPITAL MIRI”, SARAWAK

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) ingin memaklumkan pada hari ini 08 Mac 2018, JKNS telah menerima makluman mesej tular mengenai berlakunya wabak penyakit belum dikenali di Miri. Adalah dimaklumkan bahawa kandungan mesej itu adalah tidak tepat. Hasil semakan dan verifikasi pemantauan wabak penyakit berjangkit, didapati tiada peningkatan ketara sebarang penyakit berjangkit di Miri sejak sembilan bulan yang lalu.

Meskipun begitu, pihak pengurusan Hospital Miri mengesahkan bahawa sememangnya terdapat sedikit peningkatan kemasukan pesakit ke Wad di Hospital Miri sejak awal bulan Februari 2018, terutamanya di Wad Kanak-Kanak. Tren seperti ini sememangnya dapat diperhatikan berlaku setiap tahun selepas musim perayaan atau keraian. Namun begitu, kemasukan tersebut adalah disebabkan oleh pelbagai penyakit dan bukan hanya disebabkan oleh sebarang penyakit berjangkit yang spesifik.

Satu mesej yang turut ditularkan adalah mengenai Memo Dalaman Hospital Miri: Notis Segera Penangguhan Pembedahan Elektif bertarikh 07 Mac 2018. Menurut Pengarah Hospital Miri, notis ini dikeluarkan berikutan peningkatan kemasukan pesakit ke hospital tersebut secara keseluruhan, termasuk di Unit Penjagaan Rapi (ICU). Notis ini ditujukan kepada semua Ketua Jabatan di hospital tersebut (bukan kepada orang awam) untuk

tindakan menangguhkan buat sementara waktu kes pembedahan elektif (bukan pembedahan kecemasan). Ini bagi membantu menguruskan kes pesakit di wad dengan lebih efisien, di mana beberapa kakitangan Dewan Bedah adalah diminta membantu di wad. Perkhidmatan hospital termasuk pembedahan terutama bagi kes kecemasan adalah tidak terjejas dan masih diteruskan.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak kluatir dan saya menyeru masyarakat khususnya netizen supaya berhenti menyebarkan berita-berita yang belum disahkan kesahihannya kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat. Sekiranya orang ramai ingin mendapatkan kepastian/pengesahan ke atas mesej-mesej yang telah ditularkan, bolehlah menghubungi *Crisis Preparedness and Response Centre*, JKNS di talian 082-443248. Pihak JKNS dan Kementerian Kesihatan Malaysia akan memberi makluman lanjut kepada umum sekiranya terdapat sebarang perkembangan lanjut mengenai perkara ini dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DR JAMILAH HASHIM

Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak

08 Mac 2018